

Jalinan mesra UMP di Sabah

BERITA HARIAN
05 JUL 2012

Seramai 40 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berpeluang mendekati masyarakat Kampung Lembah Permai Kundsang, Ranau, Sabah; menerusi penganjuran program Jalinan Mesra Muhibbah di situ, baru-baru ini.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof Dr Yuserrie Zainuddin, berkata program anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAFEAD) serta Pusat Sukan itu sebahagian pengisian mengambil sempena Ekspedisi Mendaki Gunung Kinabalu.

Katanya, selain beriadah, peserta ekspedisi sempat berbakti kepada masyarakat di kampung yang terletak dua jam perjalanan dari



Pelajar UMP yang menjayakan program Jalinan Mesra Muhibbah di Sabah.

Kota Kinabalu.

"Aktiviti khidmat masyarakat ini dijadikan sebahagian program ekspedisi bagi membolehkan pelajar menimba pengalaman dengan mempelajari budaya, adat resam dan pantang larang dalam kalangan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan.

"Pelajar juga memainkan peranan sebagai duta UMP dengan menyampaikan maklumat mengenai universiti, program pengajian dan mempromosikan nama universiti," katanya dalam Majlis Penyerahan Anak Angkat membabitkan 12 keluarga angkat suku kaum Dusun. Selain tinggal dengan keluarga angkat, peserta

turut mengadakan gotong-royong mengecat bangunan, membersihkan persekitaran kampung, senamrobik bersama-ramai dan ceramah motivasi kepada pelajar.

Bantu penduduk kampung
Sementara itu, Ketua Kampung Lembah Permai, Malatin Sairin, 56, berkata kehadiran

pelajar UMP mampu memberi suntikan semangat kepada kanak-kanak dan belia di kampung itu terutama mengenai kepentingan pelajaran. Katanya, penduduk kampung berbesar hati dengan kunjungan warga universiti itu dan meraikan mereka dengan persembahan pelbagai tarian kebudayaan serta memberi peluang anak angkat

masing-masing menyaksikan dan mencuba sendiri aktiviti menanam sayuran. Pelajar UMP, Keshram Raj, 21, yang menjadi anak angkat kepada pemilik kebun, Han Jassi, tidak melepaskan peluang merasa sendiri pengalaman berkebun di tanah milik keluarga angkatnya seluas lima ekar yang ditanam dengan pelbagai

jenis sayuran. Iryani Nabillah Kasni, 22, pula berkata pengalaman pertama bergaul dengan etnik itu membuatkan beliau teruja dengan layanan mesra masyarakat berkenaan walaupun berlainan gaya hidup

dan budaya. Program khidmat komuniti itu turut mendapat sokongan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sabah serta kakitangan Universiti Malaysia Sabah.



Pelajar UMP mengadakan senamrobik bersama penduduk Kampung Lembah Permai Kundsang, Sabah bersempena dengan Program Jalinan Mesra Muhibbah.